

INSENTIF KESELAMATAN DI TAPAK BINA

NOOR KHAZRILLAH BINTI RAMLI

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

MAC, 2002

ABSTRAK

Insentif keselamatan di tapak bina merupakan satu pendekatan yang diambil oleh majikan untuk memastikan pekerja memberikan komitmen yang sepenuhnya terhadap tugas yang dijalankan dan seterusnya turut sama berganding bahu dengan pihak majikan untuk sama-sama mencapai matlamat kemalangan sifar. Terdapat tiga bentuk insentif iaitu bentuk penghargaan, bentuk kewangan dan bentuk perkembangan jawatan. Kajian ini meninjau penggunaan insentif oleh kontraktor Gred 6 atau Gred 7 yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Binaan (CIDB) di sekitar Johor Bahru dan Lembah Klang. Lapan tapak bina dijadikan sebagai kawasan kajian bagi melihat penggunaan insentif dan kos yang perlu disediakan bagi melaksanakan insentif ini. Hasilnya, insentif bentuk penghargaan paling banyak digunakan dengan peruntukan kos sebanyak 52% daripada keseluruhan kos yang diperuntukkan. Manakala 36% diperuntukkan untuk insentif bentuk kewangan dan perkembangan jawatan. Sebagai langkah persediaan, setiap tapak bina menyediakan kos luar jangka kerana pemberian insentif ini bergantung kepada pencapaian pekerja. Purata nilai kos insentif adalah 0.08% berbanding nilai kos projek. Ini mencerminkan bahawa majikan masih lagi belum benar-benar bersedia untuk keselamatan di tapak bina. Walaupun nilai peruntukan ini kecil namun, ia merupakan petanda awal bahawa majikan sudah mula prihatin terhadap keselamatan pekerja di tapak bina.

ABSTRACT

Safety incentives at construction site is one of the approaches to ensure the workers to give their full commitment on their daily tasks and thus work hand-in-hand with the employers to achieve the goal of zero free accident. There are three types of incentives which are recognition, monetary and promotions. This survey was undertaken to explore the type of safety incentives employed and the cost allocated by contractors Grade 6 or Grade 7 that are registered with Construction Industry Development Board (CIDB) in Johor Bahru and Klang Valley. Eight construction sites were chosen to look at the incentives and the costs that are needed to achieve the incentives. Findings indicates that recognition were often used with 52% from the cost allocated. Meanwhile 36% were allocated for monetary and promotions. Every construction sites allocates extra costs for contingencies since these incentives depend on the workers achievement. The average of the incentives cost are 0.08% compare to the project's cost. This shows that the employers are not ready to invest for safety on site. Although a small number indicates, it is a sign that employers are concern with the safety of their workers.